

13/05/2002

Wanita MIC lulus resolusi akui kepemimpinan Dr M

riyanti Wan Ahmad; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Ahad - Wanita MIC sebulat suara meluluskan tujuh resolusi termasuk menyatakan sokongan penuh kepada kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden parti, Datuk Seri S Samy Vellu.

Resolusi itu yang diluluskan pada perhimpunan agung pergerakan itu hari ini, menyebut bahawa Wanita MIC mengakui bahawa Dr Mahathir adalah pemimpin yang berjaya memajukan negara dan sebagai pemimpin negara Islam yang sederhana.

Pada masa yang sama, pergerakan berkenaan menggesa kerajaan mengadakan perbincangan dengan pemimpin agama serta akademik bagi mengadakan satu formula yang dapat mencegah kes sumbang mahram dan gejala rogol.

Perhimpunan yang dihadiri 600 perwakilan itu, turut mencadangkan beberapa langkah untuk mencegah jenayah berat itu termasuk meningkatkan kempen kesedaran terutama dalam mendidik golongan ibu.

Di samping itu, kurikulum sekolah juga perlu menyelitkan unsur pengajaran mengenai seks kepada generasi muda supaya mereka tahu berkata "tidak" kepada sesiapa saja yang ingin mengambil kesempatan terhadap diri mereka.

Perhimpunan berkenaan turut meminta Kementerian Sumber Manusia menyelesaikan masalah berkaitan pekerja ladang secepat mungkin terutama dalam isu pendapatan bulanan golongan itu.

Resolusi lain yang turut diluluskan termasuk pembabitan wanita dalam barisan penggubal dasar, mengharamkan penjualan arak dan rokok serta menggesa Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian untuk mengambil penari India yang profesional dalam promosi budaya Malaysia.

Terdahulu, Ketua Wanita MIC Senator Jaya Partiban dalam ucapannya berkata pergerakan itu akan mengadakan seminar keibubapaan bagi memastikan ibu bapa sedar mengenai tanggungjawab dan tugas kepada keluarga khususnya anak-anak.

Jaya berkata, seminar itu penting kerana ia dapat memberi kesan positif dalam usaha untuk membanteras gejala sumbang mahram dan rogol.

"Ibu bapa perlu disedarkan dengan tanggungjawab mereka. Malah, anak-anak juga perlu diajar bahawa jika ada ahli keluarga mereka yang menyentuh secara seksual, perkara itu adalah satu jenayah," katanya.

Pada masa yang sama, Jaya berkata, Wanita MIC merayu kerajaan menubuhkan pasukan bertindak untuk mengkaji punca gejala berkenaan dalam usaha untuk membanterasnya.

(END)